

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 2015

DASAR MENGENAI SEKATAN KEPENTINGAN BAGI TANAH- TANAH YANG DIBERIMILIK DIBAWAH RANCANGAN KEMAJUAN TANAH.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke03/2015 yang bersidang pada 18 Februari 2015 melalui Kertas Bil.3/2015/D 3(3) telah menetapkan Dasar mengenai Sekatan Kepentingan Bagi Tanah – Tanah Yang Diberimilik Dibawah Rancangan Kemajuan Tanah adalah sebagaimana berikut:-

- i. Mana-mana tanah rancangan samada yang dibangunkan dibawah Akta Tanah (GSA) 1960 atau rancangan lain penggunaan “Sekatan Kepentingan” tidak boleh dipecah sempadan dan pecah bahagian hendaklah diteruskan.
- ii. Permohonan sediada yang ditangguhkan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk ditolak dan sebarang permohonan baru untuk membatalkan “Sekatan Kepentingan” tidak boleh dipecah sempadan atau pecah bahagian tidak patut diterima.
- iii. Mana-mana tanah rancangan lain yang telah/akan dimajukan oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan sepatutnya menerima pakai prinsip pembangunan tanah rancangan yang diterima pakai dibawah Akta Tanah (GSA) 1960 setakat mana yang sesuai.
- iv. Mana-mana tanah lain yang terhalang oleh sekatan seperti ini boleh dipertimbangkan berasas kes tertentu.

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut.



.....
DATO' HAZI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABts. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.3(25)
BERTARIKH : 25 JAMADIL AKHIR 1436H
15 APRIL 2015